

14 DEC 1997

Sidang-Malaysia/China

DR MAHATHIR BINCANG MASALAH MATA WANG DENGAN PRESIDEN CHINA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden China Jiang Zemin mengambil masa satu jam membincangkan krisis kewangan yang telah menggugat Asia pada pertemuan mereka di sini hari ini.

"Mereka membincangkan 100 peratus mengenai krisis mata wang dan tidak menyentuh perkara lain," kata Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada pemberita selepas perbincangan itu.

Kedua-dua pemimpin merasakan keadaan itu adalah "cukup serius" dan perlu ada satu bentuk kerjasama yang boleh diusahakan untuk membantu negara-negara yang terjejas, katanya.

Pertemuan itu diadakan sebelum sidang kemuncak tidak rasmi Asean yang pertama dengan China, Jepun dan Korea Selatan esok yang akan dikuasai dengan perkara berhubung krisis mata wang itu.

Abdullah berkata Dr Mahathir dan pemimpin China itu sependapat bahawa krisis mata wang di rantau ini tidak bertambah baik walaupun dengan campurtangan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) memberi bantuan kewangan kepada negara-negara terbabit.

Bagaimanapun China tidak membayangkan yang ia akan menyediakan bantuan kewangan kepada negara-negara berkenaan, katanya semasa ditanya pemberita.

Krisis mata wang telah membuatkan Thailand, Indonesia dan Korea Selatan meminta bantuan IMF.

Asean dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Jurucakap China Shen Guofang berkata China bersedia untuk membincangkan isu mata wang itu semasa sidang kemuncak ini bagi memperbaiki keadaan.

Ditanya mengenai peranan China dalam bantuan IMF, beliau berkata: "Saya berpendapat sistem sedemikian tidak harus disertai dengan syarat-syarat tetapi ini merupakan pendapat peribadi saya."

Beliau menyatakan keyakinan bahawa dengan bantuan IMF, masalah mata wang kini boleh "diselesaikan secara perlahan."

Katanya Jiang dan Dr Mahathir juga memperkatakan mengenai satu mekanisme longgar bagi pertukaran pendapat mengenai mata wang antara Asean dan China dan perbincangan boleh diadakan bila-bila masa apabila negara-negara itu bertemu di forum-forum antarabangsa seperti Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec). -- BERNAMA

ARA RAZ RON